

Keratan Novel

Pertuturan 3

Eliza Jane: Manuskrip Raffles No. 18

Pudarno Binchin

pudarno@gmail.com

Seorang gadis bermata biru sedang berdiri di depan sebuah gambar poster berukuran 2 meter x 6 meter yang dilekatkan pada sebuah dinding bilik pameran. Poster tersebut menunjukkan sebuah lukisan yang menggambarkan beberapa buah perahu dan kapal layar yang berada di laut berdekatan dengan sebuah kawasan pantai. Sebuah perahu besar, berhias indah dengan disediakan sebuah tempat duduk yang beratap (sebuah kedudukan Diraja), sedang dikayuh menuju ke arah sebuah kapal layar buatan Eropah.

Si gadis manis memerhatikan lakaran seorang lelaki berada duduk di atas kerusi yang diletakkan di tengah-tengah ruang perahu itu. Watak dalam lakaran itu merupakan seorang yang berkedudukan tinggi dan penting, manakala pada kapal layar buatan Eropah itu pula kelihatan beberapa orang kelasi kapal sedang berdiri di atas kapal seakan menunggu ketibaan perahu besar itu menuju ke arah mereka.

Nakhoda kapal layar Eropah tersebut dilukis dalam kedudukan berdiri di sebelah depan di kalangan kelasi kapal. Beberapa buah perahu dan kapal layar yang lain juga dilukis di sekeliling kedua-dua buah perahu besar dan kapal layar berkenaan.

Si gadis manis membaca satu keterangan dalam bahasa Latin mengenai lukisan poster itu yang berbunyi (dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris): *The King of Johor, the manner in which he approached the ships of the Dutch*. Rujukan: Leiden - Bibliotheca Thysiana 874. Tercatat juga bahawa lukisan tersebut telah dibuat oleh Theodor dan Johann Isreal de Bry berdasarkan keterangan yang direkodkan oleh Johann Verken, seorang kelasi kapal berbangsa Jerman dari Meissen yang berada di atas sebuah kapal layar Belanda tersebut bersama Admiral Peter Willemz Verhoeff dalam tahun 1609.

Si gadis manis seterusnya membaca petikan catatan Johann Verken yang telah diterjemahkan daripada bahasa Jerman yang berbunyi:

Apa yang menarik mengenai Raja Johor, juga dikenali sebagai Raja Bungsu, ialah bahawa baginda masih muda dalam umur tiga puluhan. Apabila baginda naik ke atas kapal layar kami, baginda sedang memakai baju kapas berwarna putih. Baginda juga memakai kain sinjang songket yang mencapai ke paras kaki berjalan warna-warni. Baginda mengalaskan tapak kakinya dengan selipar kulit binatang berwarna hitam dan kepala baginda dililit dengan dastar sutera berwarna hitam juga. Pada leher baginda pula

....

Perempuan itu tidak sempat membaca ayat-ayat selanjutnya. Kedengaran langkah kaki datang dari belakang dan dia menoleh.

“Assalamualaikum.” Tiba-tiba satu suara kedengaran dari orang yang datang itu. Dia berjalan memasuki ruang bilik di mana si gadis manis sedang menunggu.

“Waalaiikumsalam,” balas si gadis manis berpaling muka ke arahnya.

“Keterangan mengenai Raja Bungsu dalam tahun 1609,” tambah lelaki itu sambil meletakkan beberapa salinan mikrofilem bagi sebilangan naskhah manuskrip lama di atas sebuah meja. “Raja Bungsu adalah pemilik manuskrip Raffles No. 18 itu.”

Mereka saling tunduk hormat tanpa berjabat tangan.

Pembayang 1 ***Jumlah Naskhah***

Aku menemui Dr. AM, salah seorang murid Profesor Madya Abdul Rahman bin Haji Ismail. Profesor Madya Abdul Rahman ialah penterjemah teks *Sulalat us-Salatin* daripada Jawi ke Rumi. Versi baru. Lebih jelas dan tepat terjemahannya. Dr. AM membawa aku ke dalam sebuah bilik khas yang menyimpan sejumlah bahan-bahan bacaan.

Bilik itu berbau harum. Sejambang bunga wangi telah diletakkan di atas sebuah meja tulis di situ. Ruang bilik itu kelihatan selesa dan segar.

Beberapa naskhah salinan dalam bentuk mikrofilem tersusun di depanku. Setiap salinan disediakan dengan catatan-catatan ringkas; bilangan rujukan, pemilik manuskrip dan sejarah ringkas. Bahan mikrofilem yang telah disediakan termasuk:

1. Naskhah milik Sir Thomas Stamford Raffles (manuskrip No. 35 dalam koleksi Royal Asiatic Society) yang diperkatakan telah dibawa dari Goa oleh Orang Kaya Sogoh dan dititahkan untuk diperbaiki oleh Sultan ‘Ala’ud-din bernegeri di Pasir Raja dan dipercayai telah diusahakan oleh seorang bendahara bernama Mahmud. Naskhah tersebut bertarikh tahun 1808 yang berakhir dengan ayat “*katibuhu ... Ibrahim bin Kandu Saudagar*”.
2. Naskhah milik Sir Thomas Stamford Raffles (manuskrip No. 39 dalam koleksi Royal Asiatic Society) bertarikh Mac 1812 yang mempunyai persamaan dengan manuskrip No. 35.
3. Naskhah milik Sir Thomas Stamford Raffles (manuskrip No. 80 dalam koleksi Royal Asiatic Society) yang juga mempunyai persamaan dengan manuskrip No. 35 dan No. 39.
4. Naskhah milik Sir Thomas Stamford Raffles (manuskrip No. 68 dalam koleksi Royal Asiatic Society) yang mengandungi rujukan kepada Raja Sulaiman dan dimiliki oleh Orang Kaya Suku dari Goha dan ditulis oleh Orang Besar Tun Askob di depan Paduka Raja Tun Mahmud. Terdapat beberapa muka surat telah hilang.
5. Naskhah milik Sir Thomas Stamford Raffles (manuskrip No. 18 dalam koleksi Royal Asiatic Society) yang juga dikenali sebagai “naskhah Raja Bungsu” yang dihasilkan pada tahun 1612 yang dipercayai telah ditulis oleh Seri Nara Wangsa Tun Bambang di Pasir Raja, Johor. Kertas yang digunakan mempunyai tera air bertanda *Wilmont 1812*, tetapi naskhah tersebut telah diperolehi dari salinan terdahulu milik Sekretariat-General kerajaan Hindia Belanda di Batawi sebelum tahun 1812. Jadinya, naskhah tersebut ternyata telah disalin semula untuk Raffles pada tahun 1812 yang mungkin telah ditulis dalam sekitar tahun 1535 oleh seorang *pangsur* istana Melaka. Beberapa bab (“*alqisah*”) dalam naskhah tersebut membayangi pengaruh-pengaruh Hindu yang kemudiannya disusun semula oleh Seri Nara Wangsa Tun Bambang pada tahun 1612. Penyalinan

tersebut telah disiapkan dalam sekitar tahun 1535, iaitu sebelum serangan askar Portugis ke atas kota Sungai Telur pada bulan Jun 1535 (peristiwa tersebut tercatat dalam naskhah berkenaan) ataupun sebelum serangan askar-askar Vesco da Gama ke atas Johor pada tahun 1536 (tidak tercatat dalam naskhah tersebut). Di samping itu, cerita mengenai Sultan Mansur Shah (1450-1477) meminang Puteri Gunung Ledang telah bertukar menjadi Sultan Mahmud Shah (1488- 1528) dalam manuskrip tersebut pada salinan tahun 1612 --- sesuatu kesilapan penyalin yang tidak mungkin berlaku pada tahun 1535 kerana Sultan Mahmud Shah meninggal dunia tujuh tahun sebelumnya. Jelasnya, perubahan tersebut telah dilakukan pada tahun 1612, iaitu 84 tahun sesudah Sultan Mahmud Shah meninggal dunia. Serbuan Aceh ke atas Johor pada tahun 1613 menghentikan penyalinan semula terhadap teks *Sulalat us-Salatin* tersebut.

6. Naskhah milik Farquhar (manuskrip No. 5 dalam koleksi Royal Asiatic Society) yang mempunyai persamaan dengan naskhah milik Sir Thomas Stamford Raffles No. 35, No. 39 dan No. 80 kecuali terdapat nama Raja Sa'it yang menitahkan penulisannya dan naskhah tersebut digelar sebagai *Sulalatu's-Salatin* yakni *Peraturan Segala Raja-Raja*.
7. Naskhah milik Maxwell (manuskrip No. 26 dalam koleksi Royal Asiatic Society) yang mempunyai persamaan dengan naskhah Raffles No. 18, tetapi tahun penulisannya terdapat dua catatan, iaitu 1020 Hijrah dan 1708 Hijrah, dan telah ditulis oleh Seri Nara Wangsa. Naskhah tersebut juga diperkatakan telah dibawa oleh orang dari Goha. Naskhah milik Maxwell tersebut juga dikenali sebagai versi C. O. Blagden (versi panjang) yang disalin dalam tahun 1612 dan telah ditambah dengan peristiwa-peristiwa di Johor yang berlaku antara tahun 1612 hingga 1673, iaitu sebagai naskhah yang telah dibawa dari "Goa" (sama ada "Goa" di India ataupun "Gua" di Pahang) untuk "diperbaiki" bersama catatan mengenai serangan Jambi ke atas Johor yang berlaku pada tahun 1673. Naskhah tersebut telah dirumikan oleh A. Samad Ahmad dengan menggunakan tajuk asal, *Sulaltus Salatin*.
8. Naskhah asal yang telah disediakan oleh Ibrahim bin Kandu pada tahun 1810 sebagai sumber terjemahan oleh John Leyden ke dalam bahasa Inggeris, *the Malay Annals*, yang diterbitkan dalam tahun 1821. Naskhah ini dikenali sebagai teks C. O. Blagden versi pendek.
9. Naskhah *Sulalatu'l Salatin* iaitu *Sejarah Melayu* salinan Abdullah Abdul Kadir Munshi yang dicetak dalam tulisan Jawi dalam tahun 1831. Sejak itu, *Sulalat us-Salatin* dikenali sebagai *Sejarah Melayu* yang dianggap mendampingi teks terbitan Leyden, *the Malay Annals*, oleh kerana kedua-duanya dilihat mengandungi naratif-naratif yang serupa dengan sedikit perbezaan. Naskhah ini juga dikenali sebagai teks C. O. Blagden versi pendek dan kedua-dua versi pendek tersebut (versi Abdullah Abdul Kadir Munshi dan Ibrahim Kandu) dianggap sebagai naskhah yang telah dibawa dari "Goa" (sama ada "Goa" di India ataupun "Gua" di Pahang) untuk "diperbaiki" yang disalin semula oleh Tun Seri Lanang. Abdullah menerbitkan versi beliau untuk dijadikan bahan pelajaran sekolah Melayu di Singapura. Versi terjemahan Leyden dan versi cetakan Abdullah Munshi dilihat sebagai "versi standard" untuk semua peringkat bacaan.

10. Naskhah *Sejarah Melayu* milik W. G. Shellabear dalam tulisan Jawi yang disalin pada tahun 1896 (dikenali sebagai “teks campuran”, iaitu gabungan beberapa salinan naskhah yang pelbagai sumber --- sebagai gabungan teks Maxwell No. 26, teks Leyden, teks Abdullah bin Abdul Kadir Munshi dan beberapa lagi teks yang lain --- yang telah diedit menjadi satu teks oleh Shellabear) dan diterbitkan untuk menjadi bahan rujukan pelajar sekolah dan dipercayai telah ditulis oleh Tun Seri Lanang.
11. Naskhah milik R. O. Winstedt salinan pada tahun 1925 yang juga dikenali sebagai versi C. O. Blagden (salinan dari 8 bab terakhir yang terdapat dalam teks Raffles No. 18).

Sebenarnya, sebilangan daripada naskhah-naskhah tersebut sudah aku semak di perpustakaan Royal Asiatic Society. Di sini aku semak sekali lagi dengan bimbingan daripada Dr. AM. Setiap satu naskhah memerlukan penelitian terperinci. Aku perlu mendapatkan versi teks *Sulalat us-Salatin* yang dicari itu. Versi yang mengandungi misteri mengenai keluarga kami.

Menurut Cheah Boon Kheng, secara keseluruhannya, terdapat 32 versi naskhah manuskrip *Sulalat us-Salatin*. Sebilangannya tersimpan di beberapa perpustakaan di seluruh dunia. Berbeza versi pula antara satu sama lain. Ternyata tujuh naskhah manuskrip tersebut adalah milik perpustakaan Royal Asiatic Society, London. Dua puluh lima naskhah lagi tersimpan di tempat lain. Mungkin sebilangannya dimiliki oleh individu tertentu. Aku perlu mencari mereka satu per satu.

“Hanya satu teks sahaja yang mengandungi rahsia keluarga kita,” kata nenek laki.

Aku meletakkan komputer ribaku di atas meja tulis. Perlahan. Harum bunga dalam bilik itu berbau nyaman. Pesanan nenek laki itu terbayang di benakku. Sebelas buah salinan mikrofilem memerlukan waktu untuk diteliti.

Namun agaknya aku perlu meneliti semua ketiga puluh dua buah naskhah manuskrip itu. Satu per satu. Aku akan menjelajah segenap pelusuk dunia, jika perlu, sehingga naskhah yang dimaksudkan itu dapat ditemui. Soalnya, bagaimana untuk menentukan dan mengenalpasti naskhah manuskrip yang mana satu yang dicari itu? Cara pemilihannya bagaimana pula?

Satu strategi penelitian perlu disediakan. Beberapa senarai kemungkinan telah aku buat seperti berikut:

1. Apakah naskhah manuskrip yang tertua berkemungkinan menyembunyikan rahsia keluarga Diraja kami? Jadinya, di antara tiga puluh dua buah naskhah manuskrip itu, aku perlu memastikan usia manuskrip berdasarkan dua fakta utama: (i) umur (ketuaan) bahan yang dijadikan untuk lembar tulisan manuskrip tersebut (kulit binatang, kulit kayu, papan, kain sutera dan seumpamanya); (ii) tarikh gaya tulisan yang digunakan (tulisan Jawi Arab, tulisan Jawi Melayu, Rumi lama, Rumi baru dan seumpamanya).
2. Apakah “kunci rahsia” yang hendak dicari itu: lambang Diraja keluarga kami, lukisan cincin naga dalam kedudukan sepasang atau “kunci” berbentuk senarai nama-nama ahli keluarga, tarikh-tarikh atau carta keturunan keluarga kami (yang dikatakan sebagai *salasilah raja-raja* itu) atau apa sahaja bukti yang dapat menyokong bahawa kami ini adalah keturunan raja-raja Melayu?

Wah, rasanya bagai aku sedang mengembara untuk mencari sesuatu seperti yang diceritakan dalam *Seribu Satu Malam*. Paling rumit peristiwa yang hendak disiasat ini berlaku beratus-ratus tahun terdahulu. Tiada terdapat sebarang saksi. Ataupun bukti nyata. Sebilangan teks-teks dalam naskhah yang ada di depan mataku ini sebenarnya telah diubah oleh beberapa orang penyalin yang terkemudian. Mereka mengubah teks asal sebagai langkah “memperbaiki”.

Tindakan ini telah dipengaruhi oleh kepentingan dan kehendak selera pembaca semasa. Aku mungkin harus bermula dengan mengupas dan memisahkan antara fakta-fakta awal dan terasal daripada fakta-fakta fiksi yang telah ditambah-tambah, diada-adakan oleh penyalin-penyalin itu. Tidak mudah untuk melakukan sebarang kupasan.

Tugasan ini jauh berbeza daripada dunia pelaburan yang aku ceburi sebelum ini. Teman-teman sejawat mentertawakan aku. Pertukaran karier mengejut, kata mereka. Demi nenek lakiku, aku terpaksa tutup mata dan telinga. Gurauan mereka menyakitkan hati.

“Manalah tahu suatu hari nanti kau akan diangkat menjadi permaisuri apabila bersuamikan seorang putera raja yang kemudiannya menjadi seorang raja!” usik seorang daripada mereka.

“Kau mungkin berakhir dengan bersuamikan Ali Baba dengan empat puluh orang penyamun. Mungkin senasib seperti gadis Snow White, puteri seputeh salji itu, yang bersahabatkan tujuh orang manusia kerdil,” gurau yang seorang lagi.

Teman-teman yang lain tertawa. Aku tersenyum. Khayalan dan angan-angan bodoh.

Menyampahlah kamu!

Tugas ini membuat hatiku sedikit terbeban. Aku tidak menyangka akan melakukan pekerjaan seperti ini. Tetapi keadaan mendorongku untuk menyemak manuskrip-manuskrip lama itu. Alasanku: Menganggur tanpa pekerjaan dalam tempoh waktu panjang adalah membuang masa. Merugikan. Membebankan emak dan bapaku. Mereka tidak perlu menanggung nafkah hidupku sepanjang hayat ini. Lagipun “misteri” mengenai masa lampau keluarga ini membuat aku tertanya-tanya. Aku ingin tahu lebih lanjut. Nenek laki sudah lanjut usia. Beban ini perlu dileraikan sebelum nenek laki pergi buat selama-lamanya. Walaupun hatiku sedikit terpaksa, aku rasa akulah ahli keluarga yang layak memikul tugas ini. Aku akan menyelongkar rahsia-rahsia masa lalu mengenai keturunan keluarga kami. Kebolehanku membaca tulisan Jawi dalam manuskrip Melayu lama melayakkan aku untuk tugas ini.

Aku mula meneliti latar belakang Sir Thomas Stamford Raffles. Beliau mempunyai koleksi manuskrip lama dari Tanah Melayu. Pada tahun 1830, empat tahun sesudah beliau meninggal dunia, ahli keluarga beliau telah menyerahkan semua naskhah manuskrip Melayu lama milik beliau kepada Royal Asiatic Society. Koleksi manuskrip Melayu lama tersebut mungkin boleh memberi petunjuk kepadaku dalam pencarian ini.

Lagipun, ibu dan bapaku mempunyai minat yang mendalam terhadap Stamford Raffles. Mereka pernah membawaku berkunjung untuk melihat potret beliau di National Portrait Gallery. Juga lawatan ke tugu kenangan beliau di Westminster Abbey. Mungkin mereka cuba menarik minatku terhadap Stamford Raffles. Oleh kerana itu juga mereka memberi nama timanganku, “Sophia”, nama mendiang isteri Sir Thomas Stamford Raffles, isteri beliau yang kedua. Kadang-kadang apabila orang tuaku memanggil namaku “Eliza Sophia Jane”, aku terbayang wajah seorang pelakon terkenal Malaysia bernama Sofia Jane, seorang perempuan kacukan Inggeris-Melayu yang cantik itu.

Stamford Raffles telah dikurniakan gelaran kesatria oleh Putera Leopold pada 29 Mei 1817. Sesudah itu, beliau dikenali sebagai Sir Thomas Stamford Raffles. Beliau juga dihadiahkan oleh Putera Leopold dan Puteri Charlotte dengan sebetuk cincin bertampuk intan. Aku bayangkan cincin naga milik keluargaku itu juga sebagai satu hadiah penghargaan yang serupa. Mungkin hadiah daripada seorang putera raja Borneo kepada keluarga kami. Seterusnya ahli keluarga kami mendapat suatu gelaran penghormatan daripada putera raja tersebut. Sekadar khayalanku tentang salah seorang nenek moyang kami suatu ketika dahulu.

Pembayang 2 ***Masalah Teks***

Menurut Profesor E. Ulrich Kratz, banyak versi *Sulalat us-Salatin* telah dibuat oleh para penyalin sebelum abad ke-17. Terdapat beberapa tanggapan berbeza bagi menilai teks-teks dalam manuskrip Melayu lama itu. Suatu kenyataan yang rumit. Cukup mencabar buatku. Memikirkan hal itu, aku terpegang selembur daun hijau pada sekuntum bunga yang diletakkan di atas meja tulis itu. Sentuhan ke atas daun itu terasa licin. Dr. AM memerhatikan perbuatanku itu. Dia tersenyum.

“Untuk menterjemah versi teks asal daripada tulisan Jawi ke tulisan Rumi adalah cukup sulit,” ujar Dr. AM. Dia menceritakan mengenai pengalaman mahaguru beliau dalam menterjemahkan naskhah *Sulalat us-Salatin*, manuskrip No. 18 milik Raffles itu. “Ketidakseragaman dalam ortografi Jawi yang digunakan oleh sesetengah penyalin memerlukan pemahaman mendalam tentang bahasa Melayu yang digunakan pada awal abad ketujuh belas. Usaha tersebut melibatkan penterjemahan ke atas perkataan dan frasa lama dan seterusnya cuba memahami aspek sejarah, budaya dan seni persuratan Melayu, dan nilai budaya Melayu pada zaman itu.”

Aku faham. Ejaan-ejaan lama yang digunakan dalam teks lama kadang-kadang menyulitkan pembacaanku juga. Contohnya: seorang individu Inggeris bernama Gilbert kadang-kadang tersalah eja dalam tulisan Jawi seakan berbunyi “Gilbatlet”; Raffles menjadi “Rafol”.

“Walaupun bagaimanapun, semua naskhah-naskhah tersebut dengan mudah sahaja dapat aku kenali kesahihan-nya,” tambah Dr. AM selanjutnya. Kata-katanya itu seakan cuba meringankan rasa beban dalam diriku. “Daripada jumlah yang ada di seluruh dunia, hanya dua belas naskhah yang tersimpan dalam koleksi-koleksi peribadi orang perseorangan. Koleksi peribadi ini mempunyai masalah apabila hendak dirujuk. Pemiliknya enggan berkongsi. Jumlah manuskrip yang lainnya adalah milik institusi-institusi terkemuka seperti Royal Asiatic Society, Library of Congress, dan beberapa institusi terkemuka dunia yang lain.”

Aku teringat satu lagi pesanan nenek lakiku. Dia pernah berkata, “Walaupun ciri-ciri dan kandungan teks-teks catatan sejarah digambarkan dengan perkataan ‘hikayat’, ‘salsilah’ atau ‘sejarah’, tetapi semua itu adalah tidak tepat. *Sulalat us-Salatin* hanya bercerita tentang perumpamaan dan bukannya peristiwa sejarah yang konkrit. Perkataan yang boleh menghampiri jenis teks yang kaucari itu ialah ‘peringatan’. ‘Peringatan’ tersebut digambarkan dengan lebih tepat seakan menyerupai sebuah catatan buku pedoman.”

Aku hampir-hampir sahaja hendak memaklumkan pesanan nenek laki itu kepada Dr. AM, tetapi dia telah mendahului aku untuk berkata, “Satu perkara lagi yang kau perlu tahu bahawa *Sejarah Melayu* mempunyai banyak versi, banyak penyalin, diubah dan ditambah isinya. Versi yang mana satu yang lebih mendekati teks asalnya kita tidak mungkin akan tahu. Pencipta asalnya juga tidak diketahui. Versi yang diketengahkan ini merupakan versi yang agak berlainan, tujuan penghasilannya juga mempunyai matlamat yang berlainan daripada yang terdahulu.”

“Jadinya, manuskrip yang ada di tangan Doktor masa ini bukan teks terawal, teks asal?”

“Sudah tentu bukan.”

Jawapan itu terasa menekan. Mengecewakan.

“Sebelum kewujudan mesin cetak pada abad kelapan belas, manuskrip terpaksa disalin dengan tangan dari masa ke semasa bagi menggantikan naskhah lama yang sudah usang; naskhah yang susah untuk dibaca teks-teksnya. Setiap naskhah mungkin telah disalin semula dalam selang dua puluh tahun dan setiap naratif mungkin telah dikerjakan oleh sekurang-

kurangnya enam atau lapan penyalin sebelum ia sampai ke tangan pengumpul-pengumpul naskhah-naskhah lama seperti Stamford Raffles pada abad kesembilan belas. Sehingga akhir abad tersebut, menulis dan menyalin teks dengan tangan masih diamalkan walaupun mesin cetak telah lama diperkenalkan di Tanah Melayu dan Batawi. Ramai orang tidak mampu membeli buku bercetak yang harganya sangat mahal pada zaman itu. Itulah sebabnya teks-teks tulisan tangan masih tersebar luas.”

Bagiku, kenyataan itu patut dimanfaatkan dalam pencarian ini. Kataku, “Sekurang-kurangnya tulisan-tulisan tangan itu dapat membantu kita untuk mengenalpasti identiti sesetengah penyalin itu. Gaya tulisan tangan masing-masing menjadi identiti tersendiri kepada setiap penyalin. Buku bercetak tidak meluaskan kemungkinan serupa itu.”

“Ya, itu suatu keadaan yang mungkin boleh membantu,” balas Dr. AM dan menambah, “Tetapi malangnya, setiap satu penyalin membubuh pelbagai kesalahan ejaan dan tanda baca pada manuskrip-manuskrip sehingga ada yang mengubah konteks cerita tanpa disedari atau disengajakan dengan beberapa tokoh tambah untuk ‘memperbaiki’ cerita. Maksudku, perubahan-perubahan yang dilakukan oleh penyalin itu adalah bukan kesilapan tetapi disengajakan. Kenapa? Dalam kesemua proses tersebut, manuskrip-manuskrip lama semakin ‘diperbaharui’ sehingga wajah teksnya menjadi jauh berubah daripada yang asal dan kita tidak lagi dapat mengenali dunia awal yang cuba digambarkan sebelumnya.”

Aku menelan air liurku. Aku memang sedia maklum tentang perkara itu. Betapa sulitnya untuk menghadapi teks-teks Melayu lama tersebut. Aku mengangkat jambangan bunga tadi itu. Aku letakkan bunga itu di atas meja tepat di depan tempat dudukku. Dr. AM tersenyum.

“Bau harumnya nyaman dihidu,” kataku kepadanya. Bunga itu segar baunya. Teks-teks sejarah yang sudah lapuk dan kuno ini, hmmm....

Membebaskan!

Aku menarik nafas panjang. Betapa rumit dan sulitnya pencarian asal-usul keturunan keluarga kami ini. Aku meragui diriku. Apakah aku akan dapat menghasilkan sesuatu yang berguna? Tidak mungkin rasanya aku akan dapat menyelesaikan rahsia di sebalik cincin naga milik keluarga kami itu.

Terlalu banyak persoalan yang berkaitan: masa lampau tentang Stamford Raffles, Sophia yang cantik, cincin naga yang misteri, teks-teks Melayu lama yang disalin semula dan diubah-ubah, dan teks-teks yang mempunyai kesalahan ejaan. Aku memerlukan waktu untuk menyusun semula strategi kajian untuk langkah seterusnya. Apa yang diterangkan oleh Dr. AM kepadaku sebentar tadi bercelaru di mindaku dengan pelbagai implikasi.

Pembayang 3 ***Batu Nisan Reuben George Brooke***

Beberapa persoalan. Ada juga kemungkinan lain. Setiap fakta pertunjuk disusun ke dalam bentuk suatu rangka matrik. Itu perancangan dan strategi tindakanku. Malangnya, kebanyakan pertunjuk masih kabur. Mungkin ada suatu jalan lain dapat dicari. Mencari hubungan darah kerabat Diraja kami dengan kerajaan di pulau Borneo itu agak tidak masuk akal. Setakat ini cuma ada satu pertunjuk. James Brooke pernah memerintah Negeri Sarawak dari pertengahan abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20. Aku kira penelitian ini harus bermula dengan makna asal terhadap penggunaan istilah *Sulalat us-Salat* dan *Sejarah Melayu* itu.

Manuskrip *Sulalat us-Salat* itu dikenali juga sebagai *Sejarah Melayu*. Ya, “sejarah” bagi orang-orang Melayu: Fakta yang *benar*. Bukan catatan-catatan teks mengenai karya fiksiyen.

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi menerbitkan naskhah manuskripnya dengan tajuk *Sulalatu'l Salatin iaitu Sejarah Melayu* dalam tahun 1831. Sejak itu, *Sulalat us-Salatin* dikenali sebagai *Sejarah Melayu*. Mungkin tajuk tersebut sengaja dipilih. John Leyden menterjemahkan *Sulalat us-Salatin* sebagai *The Malay Annals*. Judul “Sejarah Melayu” menjadi judul rasmi sesudah itu. Perkataan “sejarah” pada tajuk tersebut sebenarnya digunakan untuk bermaksud *keturunan*.

Aku menggali sedikit mengenai istilah “sejarah” tersebut. Perkataan “sejarah” berasal daripada perkataan Arab, iaitu *shajarah*, yang bererti *pohon kayu* dengan sebutan *sha* dalam bahasa Arab itu dipermudahkan kepada sebutan “s” sahaja dalam bahasa Melayu. Penutur Arab tidak menggunakan istilah *shajarah* bagi merujuk kepada “sejarah”. Di sebaliknya, mereka menggunakan istilah *ta'rikh* untuk merujuk kepada “sejarah”. Namun istilah *shajarah* tersebut tidak pula digunakan untuk merujuk kepada pohon kayu, tetapi digunakan bagi mengenalpasti jalur-jalur keturunan yang menjalar seakan ranting-ranting dan dahan sepohon kayu. Maka, dengan itu, keturunan sesebuah keluarga itu dilihat seakan *shajarah*, iaitu sepohon kayu “keturunan”. Istilah “keturunan” dalam teks manuskrip Raffles No. 18 mempunyai dua ejaan: pertama, ejaan p-r-t-t-w-r-n bererti “perceritaan”; kedua, ejaan p-t-t-w-r-n bererti “saudaramara”.

Nenek laki menganggap gelaran *Sulālat al-Salātīn* adalah sebagai nama yang tepat bagi manuskrip Raffles No. 18 itu. Bermaksud: *Salāsilah Perteturun Segala Raja-Raja*. Kadang-kadang istilah *silsilah shajarah* digunakan sekali gus seperti *Silsilah Shajarah Raja-Raja di Cerabon*. Agaknya transkripsi Richard O. Winstedt adalah tepat dengan menggunakan ejaan rumi *peraturan* yang bermaksud “salasilah” dan bukannya *petuturan* (“saudara mara”) ataupun *pertuturan* (“perbincangan”) sebagai maksud yang ditulis oleh penulis manuskrip tersebut. Maka maksud yang sebenar tentang pencarian ini ialah bukan untuk mengenal pasti “sejarah” (iaitu *ta'rikh*) mengenai keturunan keluarga, tetapi mengenai *shajarah* ataupun *salāsilah peteturun* keluarga kami.

Tepat sekali!

Memang bertepatan. *Shajarah* keluarga James Brooke perlu dirujuk dalam hal ini. Senarai buku-buku dan risalah --- tidak semua rujukan perlu disenaraikan di sini --- yang aku sudah rujuk ialah:

- ❖ Baring-Gould, Sabine, and Bampfylde, C.A., 1909. *A History of Sarawak under its Two White Rajahs 1839 – 1908*. London: H. Sotheran & Co.
- ❖ Borneo Company Minutes
- ❖ General Council, Minutes, 1867 – 1927 (Government of Sarawak).
- ❖ Hahn, Emily, 1953. *James Brooke of Sarawak*. London: A. Barker.
- ❖ Jacob, Gertrude, 1876. *The Raja of Sarawak*. London: Macmillan & Co.
- ❖ Payne, Robert, 1960. *The White Rajahs of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.
- ❖ Rajah James, Letter-book, 1845 – 1851 (Government of Sarawak).
- ❖ Runciman, Steven, 1992 (1960). *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 – 1946*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- ❖ St. John, Sir Spenser, 1879. *The Life of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak*. Edinburgh: W. Blackwood & Sons.
- ❖ St. John, Sir Spenser, 1899. *Rajah Brooke*. London: T. F. Unwin.
- ❖ Templer, John C., (ed.) 1853. *Private Letters of Sir James Brooke*. London: R. Bentley.

Dari sejumlah buku-buku rujukan yang telah ditelaah, aku tertarik dengan catatan yang dibuat oleh Robert Payne. Beliau memberi pandangan serong terhadap raja-raja Brunei. Rasa jijik yang mendalam. Pandangan itu, kononnya, membayangi kata hati James Brooke terhadap kerabat Diraja Brunei. Bukan itu kenyataan sebenarnya. Kata-kata itu adalah kebencian Robert Payne terhadap Sultan Omar Ali Saifuddin II. Kata hati Payne terbayang dengan jelas dalam catatan berikut:

The sultan was one of those men who appear to belong to legend rather than to history. He was the incarnation of murderous imbecility. He was over fifty, a small, thin, bald man who could neither read or write and he wore an expression of permanent confusion. James was fascinated by the monster, who talked continually, often joked and was unable to concentrate on a serious matter for more than a few seconds.

Sultan Omar Ali Saifuddin II memerintah Brunei dari tahun 1828 hingga tahun 1852. Tetapi keluarga Brooke mempunyai hubungan yang berlainan dengan keluarga kami. Nenek laki berkali-kali menceritakan mengenai perkara ini. Keluarga kami telah “terhutang budi” dengan keluarga Brooke. Persahabatan antara kedua-dua keluarga terjalin dengan cukup baik. Cuma aku tidak tahu kenapa keluarga kami menjadi “terhutang budi” dengan keluarga Brooke. Nenek laki masih berdiam diri tentang hal itu. Di samping itu, ahli-ahli keluarga Brooke yang terkemudian juga tidak mengetahui akan hal “terhutang budi” itu.

Aku akan cuba untuk menyiasat lanjut.

Dengan yakin, nenek laki menjelaskan, “Keluarga ini adalah bukan keturunan daripada James Brooke.”

Aku terpinga. Mungkin dia berkata benar. Jalur keturunan keluarga Brooke jelas dapat disemak dalam mana-mana buku sejarah.

Ada perkara lain menarik perhatianku. James Brooke menjadi “raja” Sarawak dari tahun 1841 hingga tahun 1863. Berbangsa Inggeris. Raja *orang putih* yang pertama. Catatan sejarah menyatakan dia dilantik sebagai *gabenuh*, seorang pentadbir, oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II. Dia ditugaskan untuk mentadbir sebuah tanah *kuripan*. Ya, Sarawak, sebagai sebuah tanah *kuripan* masih dalam jajahan kesultanan Brunei. James Brooke adalah bukan seorang *menteri darat*. Dia juga bukan keturunan daripada kerabat keluarga *pengiran-pengiran*. Itu jelas. Dia tidak pernah diberi gelaran oleh sultan-sultan Brunei. Ada beberapa perkara samar-samar dicatat oleh sebilangan pengkaji.

Terdapat sesuatu fakta “longgar” dalam riwayat hidup James Brooke. Aku perlu menyiasat lanjut. Kenyataannya beliau sebagai seorang raja yang terus “membujang” sehingga ke akhir hayatnya, tetapi tiba-tiba dalam tahun 1858 beliau mengakui mempunyai seorang anak lelaki bernama Reuben George Walker Brooke.

Suatu kejutan.

Reuben Brooke dilihat sebagai anak luar nikah James Brooke. Beliau mempunyai hubungan sulit dengan seorang pembantu rumah di Bath, England. Identiti perempuan tersebut tidak diketahui. Ataupun sengaja dirahsiakan. Mereka mahu menjaga nama baik keluarga Brooke. Kononnya, Reuben Brooke telah lahir di Sarawak, Borneo. Reuben Brooke mempunyai cerita latar belakang mengenai kelahiran dan dunia remajanya yang cukup samar-samar. Terdapat catatan menyatakan:

Although James Brooke died unmarried, he did acknowledge one son. Neither the identity of the son’s mother nor his birth date is clear. The son was brought up as Reuben G. Walker in the Brighton household of Frances Walker (1841 and 1851 census, apparently born ca. 1836). By 1858 he was aware of his Brooke connection and by 1871

he is on the census at the parish of Plumtree, Nottinghamshire, as “George Brooke”, age “40”, birthplace “Sarawak, Borneo”.

Salasilah keturunan Reuben George Walker Brooke adalah jelas. Keluarga kami memang tiada kena-mengena dengan jalur keturunan beliau. Beliau mempunyai tujuh orang anak. Empat orang daripada mereka telah meninggal dunia pada usia kanak-kanak dan tiga orang lagi terus membesar ke alam dewasa. Reuben Brooke meninggal dunia semasa dalam pelayaran menuju ke Australia apabila *SS British Admiral*, kapal yang beliau tumpang, karam di lautan pada 23 Mei 1874. Beliau berumur 40 tahun ketika itu.

Satu lagi perkara menarik perhatianku. James Brooke juga mempunyai hubungan sulit dengan seorang puteri Brunei. Tercatat:

It has also been claimed that James Brooke married, by Muslim rites, Pengiran Anak Fatima, daughter of Pengiran Anak Abdul Kadir and granddaughter of Omar Ali Saifuddin II, Sultan of Brunei. It is further said that he, too, had a daughter.

Ya, suatu perkara yang sangat menarik buatku. Mungkin bahan ini boleh dijadikan landasan pencarianku. Mungkin jalur keturunan keluarga kami dapat diselongkar dengan bermula dari sini. Tetapi masalahnya, James Brooke tidak pernah diakui sebagai seseorang yang beragama Islam. Beliau tidak mungkin berkahwin dengan Pengiran Anak Fatimah. Kenyataan mengenai beliau mendapatkan seorang anak perempuan dengan Pengiran Anak Fatimah adalah perkara “kabur”. Kelahiran itu mungkin terjadi di luar nikah melalui hubungan sulit. Lagipun, Sultan Omar Ali Saifuddin II adalah musuh ketat James Brooke. Jelasnya, keturunan kami bukan berasal daripada zuriat James Brooke ataupun Reuben Brooke. Tetapi walaupun ada kaitannya dengan Pengiran Anak Fatimah, aku masih memerlukan kajian lanjut. Akhir kata, di tengah-tengah simpang-siur pencarian ini, nenek lakiku betul-betul telah berjaya mengamit rasa ingin tahuku untuk bertindak. Aku memang perlu untuk memulakan sesuatu pencarian ke masa lalu terhadap jalur keturunan keluarga kami.

Untuk mengesahkan kenyataan mengenai Reuben George Brooke, aku menziarahi kubur beliau di Plumtree, Nottinghamshire. Sewaktu kecil, aku pernah diceritakan mengenai kubur tersebut. Tetapi kali ini aku sengaja berhajat untuk “menghapuskan” sebahagian daripada misteri yang menyelubungi sejarah keluarga James Brooke dan juga keluargaku. Melihat dengan mata sendiri kubur Reuben George Walker Brooke adalah satu cara untuk menghapuskannya. Ya, sekurang-kurangnya, mungkin secara psikologikal buat diriku. Orang yang sudah meninggal tidak boleh bercakap kembali untuk menjelaskan kebenaran.

Sebagai langkah pertama, sebagai suatu *rites de passage*, aku memulakan pencarian terhadap sejarah latar belakang keluarga kami di depan batu nisan Reuben George Brooke. Sebuah kubur lama yang mungkin akan dapat membayangkan suatu pertunjuk penting.

Setibaku di tanah perkuburan Plumtree, batu nisan kubur Reuben Brooke tersergam di sana. Di atas batu nisan itu terpahat kata-kata:

In Memoriam REUBEN GEORGE BROOKE only son of Sir James Brooke, K.C.B.
RAJAH OF SARAWAK who was lost on his passage to Australia in the wreck of the
ship *British Admiral*, 23rd May 1874. Aged 40 years.

Sekurang-kurangnya Reuben George Walker Brooke benar-benar pernah wujud. Suatu kewujudan yang pasti. Aku tahu di mana letak tapak kuburnya. Aku juga tahu siapa isteri dan anak-anaknya. Siapa keturunannya yang masih wujud hingga ke hari ini. Tetapi nasib tentang Pengiran Anak Fatimah binti Pengiran Anak Abdul Kadir masih tidak dapat diketahui. Mungkin kenyataan mengenai puteri tersebut hanyalah rekaan semata untuk memperdayakan keturunan keluarga Brooke. Walau bagaimanapun, gerak hatiku mendorong agar aku terus menyiasat.

Kemungkinan untuk mengaitkan keluarga kami dengan Pengiran Anak Fatimah menghantui fikiranku. Buat beberapa hari, persoalan itu berligar dalam benakku pada kebelakangan ini.

Beberapa hari sebelum aku menziarah kubur Reuben Brooke, aku mendapatkan nenek laki. Aku menerangkan mengenai istilah yang digunakan oleh Winstedt dan Profesor Madya Abdul Rahman bin Haji Ismail terhadap perkataan *salasilah* itu.

Lalu nenek laki menjelaskan, “Cincin naga itu adalah pemberian peribadi daripada Sultan Muhammad Kanzul Alam, sultan Brunei yang ke duapuluh satu, kepada keluarga kita. Baginda meninggalkan cincin naga ini sebagai warisan keluarga kita.”

Sultan Muhammad Kanzul Alam?

Sekarang perkara ini dikaitkan pula dengan seorang sultan Brunei. Agaknya Pengiran Anak Fatimah mungkin ada kaitan langsung dengan keluarga kami. Ada sesuatu yang tersembunyi di balik tabir sejarah keluarga ini. Seakan ada hal yang lain akan muncul nanti. Suatu misteri yang akan membelitkan perjalanan pencarian ini selanjutnya.

Biodata Penulis:

Pudarno Binchin

Kelahiran Brunei Darussalam pada 23 Disember 1961. Beliau berkelulusan Antropologi Sosial dari University of Kent, Canterbury, England dan Doktor Falsafah dalam bidang yang sama dari Universiti Brunei Darussalam. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Kajibangsa di Jabatan Muzium-Muzium, Brunei Darussalam. Novelnya *Janji Gintamini* mendapat Hadiah Penghargaan dalam Peraduan Menulis Novel sempena Sambutan Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah Menaiki Takhta (1995). Sementara cerpennya, “Di Kampong Si Butit Masih Banyak Perkara-perkara Kebiasaan yang Membuat Ramai Orang Sakit Jiwa dan Tertekan” menerima Hadiah Penghormatan Pertama Peraduan Menulis Cerpen anjuran QAF Holding. Kini Pudarno menulis sepenuh masa menumpukan kajian ke atas kesusasteraan tradisional Brunei sambil terus bergiat dalam bidang penulisan kreatif dan membimbing penulis muda melalui bengkel penulisan.